

# Tarikan Dapur Klasik Inggeris

Mendambakan ruang dapur yang bergaya dan praktikal semestinya menjadi impian sesiapa jua yang berpindah ke kediaman baru. Maka dalam usaha untuk mendapatkan rekaan yang bersesuaian dan menepati gaya hidup sekeluarga perlulah dilakukan rujukan sama ada di majalah, blog, laman facebook atau dengan mengunjungi ruang pameran yang menawarkan perkhidmatan rekaan dapur.

**PENULIS |** PUTRI ADILA MIRZA SAARI **= FOTO |** ASRIL ASWANDI MOHD SHUKOR

**B**egitu juga yang dilakukan oleh pemilik kediaman banglo Dr. Mohamed Asri Kader Ibrahim dan Nazreena Abdul Ghafur. "Kami mengetahui tentang Intech Kitchen daripada paparan blog. Projek yang dimuatkan dalam blog tersebut menarik perhatian. Tambahan pula kami dapat melihat secara dekat projek dapur yang disiapkan oleh syarikat ini di kediaman saudara saya. Ini menambahkan keyakinan saya untuk melantik Intech Kitchen bagi merencanakan ruang dapur kami," cerita pemilik.



### MATERIAL NYATUH JADI TARUHAN

Memaparkan konsep klasik Inggeris, dapur yang mendapat sentuhan Intech Kitchen ini tampil bergaya di atas pelan lantai bentuk U. Buat pemilik, konsep klasik Inggeris sememangnya diidamkan untuk menghiasi ruang dapur barunya. Sememangnya penggunaan material nyatuh memberi kesempurnaan pada konsep yang ingin dicetuskan. Material kayu memaparkan banyak kelebihan dan keistimewaan, bukan sahaja kepada hadirnya wajah dapur yang menawan, sebaliknya menyuntik kefungsi yang maksimum.

Rona yang dikenakan pada kayu nyatuh adalah dari jenis semburan cat (spray paint). Hasilnya, pereka dapat membawakan sebuah kemas yang sempurna pada material tersebut. Rona krim yang dijelmakan memberikan sebuah wajah dapur yang begitu menawan dan tampak kemas.


Mood klasik Inggeris begitu terserlah dengan reka bentuk dapur yang mengenakan rona putih ini. Ruang yang luas membenarkan pembinaan kaunter pulau bersaiz 11kaki x3 kaki x 3.2 kaki. Ia menjadi ruang penyediaan makanan yang selesa dan menjadi ruang makan ekstra. "Sekiranya tidak mencukupi ruang di meja makan, kaunter pulau selesa untuk menikmati hidangan.

Ruang dapur basah turut mengenakan rona putih pada kemas kabinet. Rekaan

kabinet bentuk L menyempurnakan keperluan di dapur basah. Di setiap rekaan kabinet yang dihasilkan, ruang penstoran menjadi keutamaan. "Dapur yang sistematis dilengkapi dengan ruang penstoran yang sempurna. Oleh itu sememangnya saya minta pada pereka untuk wujudkan ruang storan yang mencukupi," akui pemilik.

Menyerikan kaunter top, pemilihan granite black galaxy tampil menyerlah di kedua-dua dapur pemilik. "Pada mulanya saya inginkan marble sebagai kaunter top namun atas nasihat pereka kerana cirinya yang tahan lasak dan mudah dijaga, maka kami memilih material ini," cerita pemilik.

Granite Black galaxy nyata menyerlah ruang dapur pemilik dengan permukaannya yang berkilat dan bersinar. Manakala, rona hitam tersebut mampu menyuntik ciri elegan dan mewah pada ruang tersebut. Daripada aspek kekukuhan pula tidak perlu dirisaukan kerana batu granit mempunyai kualiti yang begitu baik. Bahagian bawah kaunter pulau tidak disia-siakan dengan menampilkan zon penstoran yang efisien.

Secara keseluruhan pemilik berpuas hati dengan rekaan kabinet yang dihasilkan oleh Intech Kitchen. Malah setiap material yang menata di ruang dapur adalah pilihan pemilik sendiri mengikut cita rasa yang diinginkan. Gambaran kepuasan terserlah di wajah pemilik. 



### INFO PROJEK

**PEMILIK:**  
Dr. Mohamed Asri Kader Ibrahim & Nazreena Abdul Hafur

**LOKASI PROJEK :**

Kota Kemuning

**JENIS KEDIAMAN :**

Banglo

**KONSEP DAPUR :**

Klasik Inggeris

**PEREKA:**

Jeff Hew

**PROJEK:**

Intech Kitchen Sdn Bhd  
No 47A Jalan Mega 1A,  
Taman Industri Mega,  
Bandar teknologi Kajang,  
43500 Semenyih Selangor

**NOMBOR TELEFON:**

Pejabat - 03-87243528

Jessica - 012-6670706

**EMEL:**

enquiry@intechkitchen.com

**LAMAN WEB:**

www.intechkitchen.com

**FACEBOOK:**

https://www.facebook.com/  
pages/Intech-Kitchen-Sdn-  
Bhd/182624678538911

**MATERIAL PINTU KABINET:**

Nyatuh

**MATERIAL KAUNTER TOP:**

Granite Black Galaxy

**MATERIAL KAUNTER PULAU:**

Granite Black Galaxy

**KOS:**

??????

